



## **"MERANCANG HARTA PUSAKA MENGUKUH SILATURRAHIM".<sup>1</sup>**

<p>1 <b>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ</b></p> <p>أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	<p>2</p> <p>3</p>
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	<p>4</p>
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Semoga kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beroleh kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.</p>	<p>5</p>
<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan tajuk "<b>MERANCANG HARTA PUSAKA MENGUKUH SILATURRAHIM</b>".</p> <p><b>Hadirin sekalian,</b></p>	<p>6</p>
<p>Sesetengah masyarakat menganggap pengurusan harta pusaka hanya boleh diselesaikan melalui pembahagian secara faraid sahaja. Sikap ini boleh dikatakan antara penyebab berlakunya kelewatan pembahagian harta pusaka bagi seseorang si mati.</p> <p>Kelewatan urusan pembahagian harta pusaka akan berlaku sekiranya waris-waris tidak mengetahui kedudukan harta pusaka dan siapa sebenarnya yang tergolong sebagai ahli-ahli waris kepada si mati. Keadaan ini akan menyebabkan harta-harta si mati terutamanya hartanah (harta tak alih) contohnya rumah, tanah, bangunan, premis kedai begitu juga harta alih seperti wang simpanan, KWSP, simpanan Tabung Haji, saham, syer syarikat, barang kemas dan lain-lain akan menjadi beku dan tidak dapat diurus dengan betul.</p>	<p>7</p>

<sup>1</sup> al-Taghaabun : 15.



<p>Kegagalan mengurus harta pusaka dengan baik akan mendorong berlakunya krisis dalam institusi keluarga yang membawa kepada pertelingkahan sesama waris. Hal ini kerana, terdapat waris yang menduduki harta si mati tanpa persetujuan waris-waris lain atau mengambil harta si mati secara salah. Lebih malang lagi terdapat waris yang sanggup memberi keterangan palsu di hadapan hakim semata-mata ingin berebut harta tersebut.</p>	8
<p>Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 188:</p> <p style="text-align: center;">وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ</p>	9
<p>"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."</p>	10
<p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Sebenarnya, untuk mengelakkan harta pusaka menjadi beku dan waris berbalah sesama sendiri, ianya mampu ditangani dengan berkesan sekiranya masyarakat kita membuat perancangan awal secara teratur dan sistematik sebelum meninggal dunia.</p>	11
<p>Perancangan ke atas pembahagian harta pusaka dilakukan adalah untuk mencapai empat (4) matlamat berikut iaitu:</p> <p>Pertama: Supaya kita dapat melakukan amal jariah untuk diri kita; Kedua: Supaya kita dapat memberi harta kepada orang yang kita sayang; Ketiga: Supaya kita dapat memastikan waris kita tidak menagih simpati daripada orang lain; dan Keempat: Supaya kita dapat mengagihkan harta pusaka kepada mereka yang berhak.</p>	12



<b>Muslimin yang Dirahmati Allah,</b>	
Sebagai hamba Allah SWT yang diberikan kesempatan untuk hidup di muka bumi ini, tidak dapat tidak, kita amat digalakkan untuk menyediakan bekalan sedekah jariah sebelum menemui Allah SWT. Dalam hal ini, seseorang boleh membahagi hartanya semasa hidup secara sedekah dan wakaf sama ada dalam bentuk harta alih dan harta tak alih.	13
Sebagaimana hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:	
<p style="text-align: center;">إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ صَدَقَاتٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ</p>	14
<p>“Apabila matinya manusia, akan terputuslah daripadanya amalannya melainkan tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan atau anak soleh yang mendoakannya”.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	15
Kita juga amat digalakkan untuk memberikan harta kepada yang disayangi seperti anak-anak secara hibah, supaya dengan demikian ia akan dapat memperkuatkan tali silaturrahim.	16
Sebagaimana hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:	
<p style="font-size: 2em; margin: 0;">تَهَادُوا تَحَبُّوا</p>	17
<p>“Saling memberi hadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling sayang-menayangi.”</p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	
Pemberian secara hibah adalah digalakkan dan boleh dilakukan ketika seseorang masih hidup. Ia tidak mempunyai had dan sesiapapun boleh menerimanya termasuk waris.	18



<p>Sekiranya pembahagian harta pusaka itu ingin dilakukan selepas meninggal dunia, seseorang boleh merancang secara wasiat terutama kepada anak angkat atau waris yang terhalang daripada menerima harta pusaka itu nanti. Ini bermakna, seseorang itu boleh menyediakan perancangan tersebut semasa hidup dan dilaksanakan sebaik sahaja meninggal dunia pada kadar tidak melebihi daripada 1/3 harta pusaka. Semua masyarakat perlu sedar akan kepentingan menulis surat wasiat kerana ia merupakan kaedah yang membolehkan seseorang yang terhalang daripada menerima harta pusaka, menikmati sebahagian daripada hasil titik peluh pemilikan harta selama ini.</p>	19
<p>Galakan menulis wasiat ini dijelaskan melalui hadis daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">مَا حَقٌّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ، لَهُ شَيْءٌ يُوصَىٰ فِيهِ، يَبْيَثُ لَيَلَتَيْنِ، إِلَّا وَوَصِيتَتُهُ مَكْتُوبَةٌ عِنْدَهُ</p>	20
<p>"Tidak sepatutnya seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu ingin diwasiatkan tidur dua malam berturut-turut melainkan dia menulis wasiat di sisinya." (Riwayat al-Bukhari).</p>	21
<p><b>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p> <p>Namun, kesedaran tentang keperluan menulis wasiat ini cukup rendah terutama dalam kalangan orang Islam, sedangkan ia sepatutnya dijadikan sebahagian daripada keperluan hidup sebagai seorang muslim.</p> <p>Mengapakah terjadi demikian? Jawapannya adalah kerana sesetengah umat Islam tidak memikirkan tentang kematian yang akan datang pada bila-bila masa, atau kemungkinan kerana ilmu dan maklumat berkenaan pengurusan harta pusaka yang agak dangkal pada diri kita. Aneh dan pelik apabila ada sesetengah umat Islam sanggup berbelanja ratusan ringgit untuk ber'whatsapp' menghantar 'pesan-pesan ringkas' setiap hari, tetapi gagal untuk berbelanja demi 'menulis pesanan terakhir' yang hanya dilakukan sekali dalam hidupnya.</p>	22
<p>Kelebihan menulis surat wasiat sebenarnya antara lain mampu memudahkan proses pembahagian harta, mengelakkan salah faham atau perbalahan antara waris di samping dapat melantik wasi atau pentadbir yang diyakini bertanggungjawab, amanah dan berkesan untuk mentadbir harta pusaka kita nanti.</p>	23



Sebagai pemilik harta, kita juga perlu memastikan waris-waris akan memperolehi harta pusaka daripada kita. Kita tidak ingin melihat, waris-waris kita nanti pada suatu ketika meminta-minta daripada orang lain atau menagih simpati daripada mana-mana pihak.	24
Hadis daripada Saad bin Abi Waqqas Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda: <b>إِنَّكَ أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٍ مِنْ أَنْ تَدَعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ فِي أَيْدِيهِمْ</b>	25
"Sesungguhnya apabila engkau meninggalkan ahli waris kaya itu lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka miskin, meminta-minta kepada manusia dengan tangan mereka ." <i>(Riwayat al-Bukhari).</i>	26
Ingatlah sesungguhnya harta itu adalah suatu amanah daripada Allah SWT. Semua harta kita akan dipersoal dan dipertanggungjawabkan dari mana ianya diperolehi dan kemana ia dimanfaatkan. Oleh itu pastikan harta itu dapat diuruskan dengan baik dan diberikan kepada mereka yang berhak dan disayangi dengan cara yang paling adil.	27
<b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>	
Menelusuri khutbah hari ini, khatib ingin menyimpulkan beberapa panduan yang penting untuk renungan kita bersama iaitu:	
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa merancang dan membahagikan harta pusaka merupakan salah satu tuntutan syarak.</li><li>2. Umat Islam disunatkan untuk melakukan amal jariah sebelum menemui Allah SWT nanti.</li><li>3. Umat Islam hendaklah membahagi harta secara hibah dan wasiat sebagai kaedah yang telah dibenarkan oleh Islam.</li><li>4. Umat Islam hendaklah membuat perancangan semasa hidup untuk mengelakkan kesulitan kepada waris-waris di kemudian hari.</li></ol>	28



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	29
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	30



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْدِينِ。أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	2
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b></p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlik dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>	3
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَلَّهُ إِلَيْهِ الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ。اللَّهُمَّ أَعِرِّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَ الْدِينِ。وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى آنْتَ حَفَظَ بِعِينِ عِنَائِيَّكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحَفْظِ وَقَائِيَّكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَاغُورِ،</p>	7
<p>سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ。اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهَدَىَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	8



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَالْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىٰ وَالرَّشَادِ。</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Gerakan Militan DAESH.</p>	11
<p>Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15